

23/06/2002

Muhammad Taib saran Melayu miliki jiwa penakluk

ORANG Melayu perlu menyusun dan meningkatkan jati diri, memiliki jiwa penakluk, kreatif, bermotivasi dan pandai menyesuaikan diri bagi memastikan bangsa Melayu terus maju serta menjadi kuasa besar.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib (gambar), berkata orang Melayu tidak seharusnya gentar dengan cabaran baru yang sedang diperkenalkan kerana ia adalah secebis asuhan untuk mereka mengharungi globalisasi.

Katanya, orang Melayu perlu keluar daripada `tempurung lama' kerana ia sebenarnya boleh melemahkan perjuangan terhadap membina bangsa berwibawa.

Beliau berkata, mentaliti naungan terhasil daripada sistem lepas, sebenarnya tidak membantu membentuk peri laku manusia maju.

"Untuk menjadikan manusia yang mampu berdaya saing, kita perlu membuat pembetulan dan perubahan seperti yang dimahukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya lihat orang Melayu semakin melupakan aspek jati diri, sedangkan ia adalah teras kepada pembangunan sesuatu bangsa. Saya mahu orang Melayu tahu mengenang jasa dan sedia saling membantu dengan rakan sebangsa dan tidak mengamalkan sikap mengigit tangan rakan selepas mendapat pertolongan.

"Jika mereka masih bersikap sedemikian ia dianggap sebagai generasi yang miskin, tiada jati diri, tidak berbudaya dan akhirnya membantutkan matlamat membina bangsa yang maju," katanya dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 2002, sini, semalam.

Muhammad berkata, orang Melayu sepatutnya bergerak pantas untuk memastikan Wawasan 2020 dapat dicapai apabila orang Melayu sedia mengubah sikap untuk menjadi negara maju.

Katanya, mereka perlu bersungguh-sungguh membina rangkaian dalam pelbagai aspek kerana ia adalah satu kelebihan besar untuk menjadi negara maju.

"Kini, ada syarikat dan institusi di negara ini sudah berperanan di peringkat antara bangsa, contohnya, Petronas mempunyai rangkaianannya di 29 negara luar.

"Serentak itu, orang Melayu secara individu pula perlu meneroka lebuhraya yang terbentang di depan mata untuk mencapai kejayaan cemerlang dan disegani bangsa lain," katanya.

Beliau turut memberi contoh banyak negara dan empayar di dunia berjaya membina ketamadunan dan kecemerlangan sebagai negara maju serta berkuasa besar dalam tempoh masa singkat kerana mempunyai ciri-ciri terbabit.

(END)